



**RAZIMI (kiri) bersalaman dengan Timbalannya Superintendan Young Soon Koon pada majlis serah tugas.**



# Ikrrar jaga Serdang

Oleh Mohd Rizal Abdullah  
mohdrizal@mediaprima.com.my  
**Serdang**

**B**erbekalkan pengalaman selama 32 tahun bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Asisten Komisioner Razimi Ahmad komited untuk terus menjalankan amanah dan tanggungjawab sebagai Ketua Polis Daerah Serdang yang baru berkuat kuasa pada Selasa lalu.

Beliau menggantikan Asisten Komisioner Abdul Razak Elias yang dilantik sebagai Ketua Bahagian Logistik Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Selangor.

Dikenali sebagai seorang yang tegas dalam setiap tugasannya, banyak kejayaan dicapai terutama ketika bertugas di Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Shah Alam dan Klang.

Bekas penuntut jurusan komunikasi dan pengajian media Universiti Putra Malaysia (UPM) itu berkata,

## ■ Ketua polis baru daerah mahu beri khidmat terbaik kepada masyarakat

jawatan sebagai ketua polis daerah sememangnya mencahar demi memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat.

“Saya akan melakukan yang terbaik untuk kebajikan orang ramai di daerah ini termasuk meningkatkan lagi hubungan polis dengan komuniti setempat,” katanya.

Menurut beliau, pentadbiran di bawah Abdul Razak sebelum ini menunjukkan kejayaan positif terutama membabitkan penurunan indeks jenayah.

“Justeru, kami akan

meneruskan corak pentadbiran sedia ada dengan semangat dan misi yang baru,” katanya.

Kata Razimi, kejayaan yang dicapai bukan hanya daripada polis malah hasil kerjasama padu bersama masyarakat dan agensi lain.

“Momentum sedia ada akan ditambah demi memastikan keselamatan dan keselesaan orang ramai di sini terjamin,” katanya.

Walapun tegas dalam tugasannya, Razimi seorang yang mesra bahkan mudah berbincang terutama membabitkan anggota bawahannya.

“Ada masa kita perlu tegas, bagaimanapun, ia bukan penghalang kepada hubungan mesra antara pihak atasan dan bawahan,” kata bapa kepada tiga anak ini.

Beliau sebelum ini pernah bertugas sebagai Penolong Pengarah Perjawatan Jabatan Pengurusan Bukit Aman selama tujuh tahun.

“ Kami akan meneruskan corak pentadbiran sedia ada dengan semangat dan misi yang baru”

Razimi

